

MAHATHIR-BIMBANG 'R' 'R' 'R

1982

KUALA LUMPUR, 27 MEI (BERNAMA)--PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYATAKAN RASA BIMBANGNYA TERHADAP KECENDERUNGAN YANG MENURUTNYA MULAI KETARA DI KALANGAN ANGGOTA UMNO UNTUK +MEREbut GANJARAN YANG BOLEH DIDAPATI DARIPADA PERJUANGAN MENGISI KEMERDEKAAN NEGARA+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENGINGATKAN BAHAWA SEKIRANYA DIBIARKAN NAFSU MENGUASAI DIRI, MASYARAKAT AKAN KUCAR-KACIR DAN NEGARA AKAN HANCUR.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM TEMURAMAH DENGAN +MERDEKA+ SUARA RASMI UMNO MALAYSIA DALAM KELUARAN TERBARUNYA.

MENURUT BELIAU KECENDERUNGAN ITU TIMBUL KERANA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO MENYANGKA BAHAWA PERJUANGAN MENGISI KEMERDEKAAN TELAH MENCAPI MATLAMATNYA.

+KINI KEBANYAKAN ORANG TERLALU MENITIKBERATKAN SOAL GANJARAN YANG BOLEH DIDAPATI DAN BUKANNYA PERJUANGAN ITU SENDIRI+, KATANYA. --BERSAMBUNG 1812/MD

B628

MAHATHIR-BIMBANG 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA PERJUANGAN MENGISI KEMERDEKAAN SEBENARNYA BELUM TAMAT TETAPI BELIAU KESAL MELIHATKAN BAHAWA +SESUDAH MERDEKA KITA MULAI HILANG SEMANGAT DAN TUJUAN+.

KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR, +APABILA KITA TELAH MENCAPI KEMERDEKAAN, KITA MENYANGKA YANG MATALAMAT PERJUANGAN KITA ITU TELAH TERCAPI.

+SELEPAS ITU APA YANG KITA FIKIRKAN HANYALAH BAGAIMANA HENDAK MEREbut GANJARAN YANG BOLEH DIDAPATI DARIPADA NYA+.

BELIAU LALU MENASIHATKAN PARA ANGGOTA PARTI MEMBENDUNG SEKUAT-KUATNYA KECENDERUNGAN TERSEBUT DAN SEBALIKNYA MENGHIDUPKAN SEMULA SEMANGAT PERJUANGAN ASAL UMNO DALAM DIRI MEREKA.

PADA MASA DULU KATANYA LAGI UMNO BERJUANG BUKAN UNTUK LABA SENDIRI TETAPI UNTUK MEMELIHARA MARUAH DAN KEHORMATAN BANGSA.

--BERSAMBUNG 1815/MD

MAHATHIR - BIMBANG 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI TIDAK MAHU MARUAH BANGSA HILANG KERANA ANGGOTA -ANGGOTA UMNO MEMBENARKAN PERJUANGAN MEREKA LEBIH BANYAK DIKUASAI OLEH KEPENTINGAN DIRI SENDIRI +KERANA SEGALA GANJARAN YANG DIREBUT-REBUTKAN ITU JUGA AKAN TURUT LENYAP+.

BELIAU MEMETIK KISAH PERANG UBUD SEBAGAI CONTOH APABILA TENTERA ISLAM YANG HAMPIR MENCAPI KEMENANGAN TETAPI KEMUDIAN MENERIMA KEKALAHAN KERANA TAMAKKAN HARTA RAMPASAN DAN LELUPAKAN DISIPLIN.

BAGAIMANAPUN DATUK SERI DR. MAHATHIR +SENANG HATI+ KERANA DISIPLIN MESIH ADA DALAM UMNO WALAUPUN KINI SEMAKIN MEROSOT.

BELIAU MENGINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO BAHAWA BERPADUAN DAN DISIPLIN PARTI ADALAH MENJADI ASAS KEMAJUAN SERTA KESETABILAN NEGARA HINGGA MASA INI.

PERDANA MENTERI TIDAK MAHU KECENDERUNGAN UNTUK MENGEJAR GANJARAN MENGHANCURKAN PERPADUAN DAN DISIPLIN PARTI. MALAHAN KEPERLUAN YANG MENDESAK SEKARANG IALAH MEMPERKUKUH DAN MEMPERKETATKAN DISIPLIN DALAM PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL. --BERNAMA 1830/MD